

Baca teks di bawah dan jawab soalan berikutnya. Baca dan fahamkan **Perkasa Ilmu (Nota)** di bawah.
Buku teks ms 18

Malim Gunung Wira Penyelamat

AKTIVITI



1. Kenal pasti kata seru dan kata tanya dalam teks. Kemudian, bina lima ayat seru dan lima ayat tanya secara berasingan.
2. Cadangkan langkah-langkah keselamatan semasa melakukan aktiviti mendaki gunung. Kemudian, buat pembentangan secara berkumpulan.

Panggit anak Jawing yang mewakili Kelab Rekreasi Sekolah Menengah Kebangsaan Seri Rafflesia telah menemu ramah seorang malim gunung yang terkenal, iaitu Encik Joseph Nambi.

Panggit: Selamat pagi, Encik Joseph Nambi.

Encik Joseph: Selamat pagi.

Panggit: Sudah berapa lamakah encik menjadi malim gunung?

Encik Joseph: Saya sudah menjadi malim gunung selama 10 tahun.

Panggit: Wah, lamanya! Mengapakah encik memilih kerjaya ini?

Encik Joseph: Sebenarnya, saya suka akan pekerjaan yang mencabar.

Panggit: Oh, begitu! Apakah ciri-ciri malim gunung yang cekap?

Encik Joseph: Seseorang malim gunung mestilah mahir tentang selok-belok kawasan gunung, lurah, cerun, dan gua. Kami hendaklah sentiasa mengutamakan keselamatan pendaki gunung.

Panggit: Apakah pengalaman yang paling mencabar yang telah encik tempuhi?

Encik Joseph: Oh, banyak pengalaman yang telah saya tempuhi! Semasa di pertengahan pendakian bersama-sama dengan empat orang pelancong dari Eropah, tiba-tiba berlaku gegaran kuat yang menyebabkan bongkah-bongkah batu menimpa kami. Tiga orang daripada ahli kumpulan kami tidak dapat diselamatkan. Aduhai, malang sungguh nasib kami! Saya hanya mampu menyelamatkan seorang daripada mereka. Perkara ini tidak dapat saya lupakan.

Panggit: Aduhai, kasihannya mereka! Barulah saya tahu betapa besarnya pengorbanan malim gunung. Syabas, encik memang malim gunung yang hebat! Terima kasih, Encik Joseph.

Encik Joseph: Sama-sama, Panggit.



PERKASA ILMU

Kata seru

Kata seru ialah bentuk kata yang berfungsi melahirkan berbagai-bagai perasaan dan digunakan dalam ayat seruan. Contohnya, *aduh, cis, amboi, oh, eh, wah, syabas, aduhai, waihai*. Contoh penggunaan dalam ayat: *Aduh, sakitnya kakiku!*

Kata tanya

Kata tanya ialah perkataan yang digunakan untuk menanyakan sesuatu atau menyoalkan sesuatu, contohnya *mengapa, berapa, bila, dan bagaimana*. Sekiranya kata tanya dikedepankan, maka kehadirannya dalam bentuk tulisan lazimnya disertai partikel *-kah*. Contoh penggunaan dalam ayat: *Berapakah harga barang itu?*

KENAL PASTI KATA SERU DAN KATA TANYA YANG ADA DALAM TEKS DIATAS

KATA SERU	
1	
2	
3	
4	
5	
6	

KATA TANYA	
1	
2	
3	
4	

BINA LIMA **AYAT KATA SERU** DAN LIMA **AYAT KATA TANYA**

AYAT KATA SERU	
1	
2	
3	
4	
5	

AYAT KATA TANYA	
1	
2	
3	
4	
5	